

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' ABDULLAH SANI
BIN ABDUL HAMID [KAPAR]**

TARIKH : 17 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah terdapat sebarang program khas atau latihan khusus bagi belia dalam menjana pendapatan ketika menghadapi kesan pandemik COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk membantu golongan belia menghadapi cabaran sewaktu dan pasca pandemik COVID-19, Kementerian telah melaksanakan pelbagai **Kolaborasi Rentas Kementerian** seperti berikut:

- (i) **Program myGIG** bertujuan meningkatkan keterlibatan belia dalam ekonomi gig bagi menjana pendapatan sama ada secara sambilan atau kekal; sekali gus membantu belia yang terkesan melalui dua platform:
 - a) **myGIG Servis** – yang menggunakan platform yang dibina oleh MDEC iaitu eRezeki – memberikan akses kepada platform-platform perkhidmatan dalam talian seperti *FoodPanda, Grab* dan *Lalamove*.

- b) **myGIG Digital Freelance** –juga menggunakan platform GLOW oleh MDEC – menyediakan peluang untuk mendapatkan kerja-kerja yang memerlukan kepakaran khusus seperti (dengan izin) *copywriting, data entry, recruiting, content creator, web designing* dan sebagainya. Latihan kemahiran juga disediakan dan peserta boleh membida untuk mendapatkan projek di platform seperti *Upwork.com* dan *Freelancer.com* dengan bimbingan jurulatih MDEC.

Sehingga 22 Oktober 2020, seramai 1,957 belia telah mendapat manfaat pada tahun 2020 (tidak jauh daripada sasaran asal 2,000 peserta).

- (ii) **Skim Perantisan Nasional (SPN)** juga adalah tawaran baharu melalui jaminan pekerjaan melibatkan syarikat atau organisasi untuk memberi pengalaman bekerja dan melonjakkan kebolehpasaran belia pasca COVID-19.

Perantis akan ditempatkan di organisasi mengikut keperluan dan kemahiran yang diperlukan. Sepanjang **6 bulan tempoh penempatan**, perantis akan mendapat peningkatan kemahiran (*upskilling*), latihan semula (*reskilling*) dan silang kemahiran (*cross-skilling*).

Antara '*soft skills*' (dengan izin) yang diberi penekanan meningkatkan profil perantis adalah:

- (a) Kemahiran sosial (iaitu pidato dan teknik penulisan);
 - (b) Kemahiran negosiasi; serta
 - (c) Kemahiran generik (iaitu pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah).
- (iii) Melalui kerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Institusi Latihan dan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS) turut melatih belia untuk menjadi **Agropreneur Muda**.

NO. SOALAN : 10

(iv) ILKBS juga melatih usahawan muda melalui program TVETpreneur dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC); serta menawarkan sokongan modal daripada TEKUN Nasional di bawah PENJANA. Kemudahan seperti **Inkubator**, **Maker-Space Mybizhub@ILKBS**, **Program Bootcamp** dan **kursus-kursus modular** dibangunkan di beberapa ILKBS untuk mencapai objektif ini.

2. KBS juga sedang menerajui pembangunan (dengan izin) *Single Landing Page (one-stop center)* yang dinamakan Sistem MyBelia. Sistem ini menyediakan maklumat bersepadu berkaitan inisiatif-inisiatif yang telah disediakan oleh Kerajaan dan bukan Kerajaan untuk dimanfaatkan oleh belia merangkumi: peluang pekerjaan; latihan dan kemahiran; serta dana dan kemudahan yang ditawarkan.

3. Inisiatif-inisiatif seperti yang saya sebutkan akan diteruskan malah dikembangkan lagi pada tahun hadapan melalui Belanjawan 2021.

Sekian, terima kasih.